

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 _____ itu bertungkus lumus mengerjakan sawahnya. (Peniaga, Penjaja, Petani, Nelayan)
- 2 Beberapa ekor _____ bergayut pada sebatang pokok. (lipas, kera, beruang, tenggiling)
- 3 Murid-murid sedang bersenam di _____. (pawagam, kilang, perpustakaan, padang)
- 4 _____ baju Shazali tertanggal pada pagi tadi. (Suis, Kocek, Skru, Butang)
- 5 Tumbuhan itu mempunyai _____ yang tajam. (duri, bunga, akar, kelopak)
- 6 Pavidran telah membeli sebuah _____ di pameran komputer itu. (pencetak, komputer, tetikus, disket)
- 7 Beribu-ribu batang pokok getah ditanam di _____ itu. (ladang, paya, kolam, tasik)
- 8 _____ itu telah mengadili perbicaraan tersebut tanpa berat sebelah. (peguam, pengawal, hakim, pegawai)
- 9 Wanita tua itu menuntun _____ di tepi jalan raya. (kereta api, kapal, kereta, basikal)
- 10 _____ peliharaan Pak Seman meragut rumput di padang yang luas. (Zirafah, Itik, Kambing, Ayam)
- 11 Kasut sukan berjenama _____ dijual dengan harga yang berpatutan. (Taman Ehsan, Singapura, Kamus Sari, Nike)
- 12 Perlawanan persahabatan itu akan dijalankan di _____. (Stadium Bukit Jalil, Jalan Maharaja, Restoran Maju, Tasik Chini)
- 13 Pak Cik Borhan menggunakan _____ yang baru dibelinya untuk menggembur tanah. (gergaji, gunting, penukul, cangkul)
- 14 Kakak Fazi menggunakan _____ untuk mencedok sup yang dimasak tadi. (senduk, gelas, garpu, pisau)
- 15 Alam persekolahan adik bermula di _____. (Bank Jaya, Tadika Gembira, Dewan Perdana, Stesen Kuala Lumpur)

- 16 _____ dibuka di taman perumahan itu untuk memudahkan penduduk melakukan transaksi kewangan. (Klinik Lam, Bank Permai, Pasar Raya KK, Balai Polis Pontian)
- 17 _____ merupakan pensyarah Universiti kebangsaan Malaysia. (Bahasa Melayu, Profesor Ali, Hang Tuah, Sultan Muhammad)
- 18 Pasukan Pengakap Sekolah Menengahj Taman Malim berjaya tiba di puncak _____ pada pagi tadi. (Sungai Rejang, Gunung Tahan, Pejabat Pos Desa, Taman Tasik Titiwangsa)
- 19 _____ merupakan lambang bagi negara Malaysia. (Radio Televisyen Malaysia, Utusan Malaysia, Sukan Malaysia, Jalur Gemilang)
- 20 Haiwan peliharaan Suzana, _____ suka makan ikan dan minum susu. (Si Comel, Sang Kancil, Sang Semut, Sang Bedal)
- 21 Kakak sulung saya, _____ akan melangsungkan perkahwinan pada minggu hadapan. (Suzana, Doktor Ali, Mohd Radzi, Encik Yong)
22. Mustaqim tidak datang ke sekolah pada hari ini kerana _____ demam panas. (dia, kamu, beliau)
23. “_____ akan belajar dengan bersungguh-sungguh,” kata pelajar-pelajar IUSM kepada Cikgu Siti. (Mereka, Kami, Kita)
24. Guru Besar sedang berucap di Perhimpunan Rasmi Sekolah. _____ menasihati murid-murid supaya tidak melanggar peraturan sekolah. (Baginda, Dia, Beliau)
25. Murid-murid Tahun 6 Cemerlang sedang giat berlatih kerana _____ akan menyertai perlawanan bola sepak pada minggu hadapan. (kami, dia, mereka)
26. “Jumpa _____ di Bilik Guru pada waktu rehat nanti,” kata Cikgu Azhari kepada Alif. (beta, saya, aku)
27. “Jangan buka kertas soalan ini sebelum _____ arahkan,” kata Cikgu Sarala. (aku, beta, saya)
28. “_____ berharap agar rakyat mengutamakan persekitrana yang bersih,” titah Sultan Ibrahim. (Saya, Patik, Beta)
29. Cikgu Nazirah mengarahkan murid-murid _____ membawa kain buruk semasa aktiviti gotong-royong esok. (hamba, dia, nya)
30. “_____ akan pergi berburu petang esok,” kata Tun Mamat kepada Hang Nadim. (Hamba, Patik, Dia)